

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/2021**

=====

**GARIS PANDUAN PENGELUARAN TENEMEN MINERAL BAGI
TUJUAN PERLOMBONGAN BAHAN MINERAL DI ATAS TANAH-
TANAH KERAJAAN DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (**PTD**) dan agensi-agensi teknikal berkenaan dengan Penetapan Garis Panduan Pengeluaran Tenemen Mineral Bagi Tujuan Perlombongan Bahan Mineral Di Atas Tanah-Tanah Kerajaan Di Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (**MMKN**) No.22/11/2021 pada 24 Mac 2021 yang telah disahkan oleh MMKN ke 12/2021 pada 31 Mac 2021.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Enakmen Mineral (Selangor) 2000 (selepas ini dirujuk sebagai EMS) memperuntukkan undang-undang berkaitan tenement mineral di Negeri Selangor. Berdasarkan peruntukan seksyen 3 EMS, segala mineral di dalam atau di atas mana-mana tanah, termasuk mineral daripada dasar laut, yang terdapat di dalam wilayah Negeri atau had perairan wilayah adalah terletak hak secara tunggal kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), sekiranya ianya tidak

dilupuskan secara khusus oleh PBN mengikut mana-mana peruntukan EMS mana-mana undang-undang bertulis lain.

2.2 Peruntukan seksyen 3 EMS adalah sepertimana berikut:

“3 Mineral terletak pada Pihak Berkuasa Negeri

Maka adalah dan hendaklah terletak secara tunggal pada Pihak Berkuasa Negeri segala mineral di dalam atau di atas mana-mana tanah, termasuklah seberapa banyak daripada dasar mana-mana sungai, dan dari pesisir pantai depan dan dasar laut, yang terdapat di dalam wilayah Negeri atau had perairan wilayah jika ia tidak dilupuskan secara khusus oleh Pihak Berkuasa Negeri mengikut peruntukan Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain..”

2.3 Melalui MMKN bertarikh 03 Jun 2015 Kertas Ringkasan MMK No 8/18/2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 19/2015 pada 10 Jun 2015 telah meluluskan Penubuhan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri Selangor selaras dengan seksyen 4 EMS, yang terdiri daripada anggota yang berikut:

- i. Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi;
- ii. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor sebagai Setiausaha;

Keahlian Tetap;

- iii. Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau wakilnya yang diberi kuasa;
- iv. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains atau wakilnya yang diberi kuasa;
- v. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri atau wakilnya yang diberi kuasa;
- vi. Pengarah Perhutanan Negeri atau wakilnya yang diberi kuasa;
- vii. Pengarah Lembaga Urus Air Selangor atau wakilnya yang diberi kuasa;

Keahlian tambahan;

- viii. Pegawai Kewangan Negeri Selangor atau wakilnya yang diberi kuasa.
- ix. Pegawai Perancang Bandar & Desa Negeri Selangor atau wakilnya yang diberi kuasa.

2.4 Penubuhan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri Selangor ini adalah bertujuan untuk mempertimbangkan permohonan-permohonan yang berkaitan dengan Lesen Mencarigali dan Lesen Penjelajahan, Pajakan Melombong dan Lesen Melombong Tuan Punya sebelum dikemukakan untuk kelulusan MMKN.

3. ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Dasar Kerajaan Negeri pada masa ini tidak memberi halangan kepada mana-mana pihak untuk memohon Pajak Melombong di atas tanah kerajaan selaras dengan peruntukan seksyen 62 (1) EMS.
- 3.2 Merujuk kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2/2015 berkenaan Garis Panduan Pengeluaran Permit Bahan Batuan Bagi Tujuan Perlombongan Pasir Di Negeri Selangor, semua permohonan pengeluaran permit bahan batuan (Borang 4C) bagi tujuan perlombongan pasir di tanah kerajaan dan tanah hakmilik anak syarikat Kerajaan Negeri adalah melalui Kumpulan Semesta Sendirian Berhad (KSSB) iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri.
- 3.3 Penyeragaman ini telah membantu Kerajaan Negeri di dalam mengawal pemulihan tanah-tanah Kerajaan di samping mengoptimumkan hasil negeri melalui kutipan royalti melalui penggunaan sistem *Smart Docket*.
- 3.4 Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Akaun Amanah KSSB yang berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Juta sahaja (RM 3,000,000.00) bagi tujuan infrastruktur semasa operasi perlombongan dijalankan dan juga pemulihan tanah selepas aktiviti perlombongan selesai dijalankan.

- 3.5 Peranan KSSB di dalam aktiviti perlombongan bagi tanah-tanah Kerajaan dan tanah anak syarikat Kerajaan Negeri telah membantu mengawalselia aktiviti-aktiviti yang dijalankan di atas tapak di samping membantu agensi-agensi kerajaan memantau kegiatan-kegiatan yang tidak sepatutnya berlaku seperti pelanggaran syarat-syarat teknikal dan juga ketirisan hasil kepada negeri.

4. KAEDAH DAN PELAKSANAAN

- 4.1 Berdasarkan asas-asas pertimbangan di Perenggan 3, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor mengarahkan agar semua permohonan bagi tujuan perlombongan bahan mineral di bawah EMS adalah seperti kaedah berikut:-

4.1.1 bagi tanah Kerajaan dan tanah-tanah anak syarikat Kerajaan Negeri, permohonan perlu dibuat melalui KSSB; dan

4.1.2 bagi tanah hakmilik, pemilik berdaftar tanah boleh memohon terus kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor **tanpa** melalui KSSB.

4.2 Penyelarasan Pengurusan dan Pentadbiran Berkaitan Permohonan Perlombongan Bahan Mineral Di Atas Tanah Kerajaan dan Tanah Hakmilik Anak Syarikat Kerajaan Negeri.

4.2.1 Setiap permohonan hendaklah melalui KSSB sebelum dipanjangkan ke Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor;

4.2.2 Pihak KSSB akan mengenakan Caj Perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga sahaja (RM 3.00) untuk setiap tan metrik bagi tujuan pengeksportan ini; dan

4.2.3 Kadar Caj Perkhidmatan ini boleh disemak dari semasa ke semasa oleh KSSB bergantung kepada keadaan pasaran dan juga kadar royalti yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri.

4.3 Selaras dengan seksyen 76 (1) EMS, PBN boleh selepas berunding dengan Jawatankuasa, melucutkan tanah lombong yang telah diberi pajakan melombong sekiranya berpuas hati bahawa penerima pajak gagal untuk mematuhi terma atau syarat kelulusan pajakan.

4.4 Deposit-deposit Bagi Permohonan Perlombongan Mineral

4.4.1 KSSB dikecualikan daripada dikenakan bayaran deposit Jabatan Teknikal dan Pentadbir Tanah; dan

4.4.2 KSSB akan menggunakan peruntukan Akaun Amanah KSSB sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Juta sahaja (RM 3,000,000.00) bagi tujuan Cagaran Wang Deposit untuk semua jenis deposit yang dikenakan berkaitan pengeluaran sumber bahan batuan dan mineral di Negeri Selangor.


5. CARTA ALIR DAN BORANG PERMOHONAN PERMIT PENGELUARAN BAHAN BATUAN DAN BIJIH MINERAL BAGI TUJUAN PENGEKSPORTAN

5.1 Carta Alir permohonan permit pengeluaran bahan batuan dan mineral bagi tujuan pengeksporan adalah seperti di **Lampiran A.**

5.2 Borang permohonan bagi tujuan Pajakan Melombong (Borang 8A) adalah seperti di **Lampiran B.**

6. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **tarikh ianya dikeluarkan.**




(YUSRI BIN ZAKARIAH)s.m.s.

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

Tarikh: 1 September 2021

Lampiran A



Lampiran B

ENAKMEN MINERAL (SELANGOR) 2000
Peraturan-Peraturan Mineral (Selangor) 2007

Borang 8A
[subperaturan 41(1)]

PERMOHONAN PAJAKAN MELOMBONG

[Enam salinan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian]

BUTIR-BUTIR PEMOHON

INDIVIDU

(Jika melebihi seorang individu, kemukakan butir-butir setiap individu secara berasingan sebagai Lampiran)

- (a) Nama penuh : _____
- (b) No. K.P./Pasport. : _____
- (c) Tarikh lahir: _____ (d) Jantina : * Lelaki/Perempuan
- (e) Alamat tetap : _____
- (f) Alamat surat menyurat: _____
(jika berbeza daripada atas) _____
- (g) Kewarganegaraan: _____ (h) Pekerjaan : _____

SYARIKAT ATAU BADAN KORPORAT

- (a) Nama : _____
- (b) Jenis syarikat /badan korporat: _____
[Memorandum dan artikel penubuhan syarikat (jika telah diperbadankan) hendaklah dikemukakan]
- (c) Tarikh dan tempat pendaftaran : _____
- (d) Alamat perniagaan : _____
- (e) No. telefon: _____ Faks: _____ Teleks : _____

(f) Butir-butir Pengarah yang perlu dikemukakan sebagai Lampiran.

- (1) Nama
- (2) Tarikh dan tempat lahir
- (3) Jantina
- (4) No K.P. / Pasport
- (5) Pekerjaan
- (6) Alamat kediaman

(g) Butir-butir pekongsi / pemegang saham (sekiranya perkongsian atau syarikat berdaftar) yang perlu dikemukakan sebagai Lampiran.

- (1) Nama
- (2) Peratusan pemegangan saham
- (3) Kewarganegaraan

(h) Butir-butir mengenai kepentingan perniagaan terdahulu dan sekarang yang menunjukkan kemampuan teknikal dan kewangan pemohon untuk menjalankan perlombongan hendaklah dikemukakan sebagai Lampiran. (Syarikat asing yang baru ditubuhkan di Malaysia boleh mengemukakan butir-butir mengenai syarikat induk atau syarikat pemegangan mereka).

- (1) Jenis perniagaan
- (2) Lokasi / tempat perniagaan
- (3) Jumlah modal yang dibenarkan
- (4) Modal berbayar semasa
- (5) Penggajian mengikut kategori berikut:

- (i) Pengurusan dan penyelidikan
- (ii) Penyeliaan
- (iii) Teknikal dan pemasaran
- (iv) Lain-lain kakitangan pejabat
- (v) Buruh mahir
- (vi) Buruh tidak mahir

(6) Penyertaan ekuiti

- (i) Peratus dan nisbah penyertaan rakyat Malaysia dan asing
- (ii) Peratus ekuiti dipegang /dirizabkan untuk penyertaan Bumiputera
- (iii) Sumber dan nama penyertaan asing (nyatakan juga bentuk penyertaan asing dilaksanakan iaitu secara wang tunai, loji dan jentera, pengetahuan teknikal, dsb.)

STATUS

(Sila tanda yang mana berkenaan)

[] Pemegang lesen mencarigali atau penjelajahan semasa yang sah di atas kawasan yang dipohon

[] Bukan pemegang lesen mencarigali atau penjelajahan semasa yang sah di atas kawasan yang dipohon

(Bukan pemegang lesen hendaklah mengepilkkan surat persetujuan daripada pemegang lesen mencarigali atau penjelajahan yang sah)

**BUTIR-BUTIR MENGENAI LESEN MENCARIGALI ATAU
PENJELAJAHAN YANG SAH**

LESEN MENCARIGALI / PENJELAJAHAN

- (a) Nama pemegang lesen : _____
- (b) Alamat surat-menyurat : _____
- (c) No. lesen : _____
Tarikh keluar : _____ Tarikh tamat : _____
- (d) Daerah : _____ Mukim : _____
- (e) Lokasi : _____

- (f) No. helaian peta : _____
- (g) Penandaan blok :(unit) _____
(Salinan fotostat lesen mencarigali / penjelajahan hendaklah dikepilkkan sebagai Lampiran)
- (h) Keluasan : _____ hektar
- (i) Mineral yang dicari : _____

BUTIR-BUTIR CADANGAN MELOMBONG

CADANGAN

- (a) Kawasan yang diminati : (Pelan yang menunjukkan kawasan yang dipohon hendaklah dikepilkan sebagai Lampiran)
- (b) Mineral yang akan dilombong: _____
- (c) Cadangan tenaga kerja: _____
- (c) Keperluan kewangan :(Satu penyata menunjukkan keperluan kewangan projek hendaklah dikepilkan sebagai Lampiran)
- (e) Sumber Kewangan _____
- (f) Maklumat lain, termasuk :
 - (i) Butir-butir perjanjian / persefahaman kontrak yang telah atau akan dibuat yang boleh menjejaskan permohonan ini secara matannya
 - (ii) Butir-butir keputusan penjelajahan untuk menyokong permohonan
 - (iii) Maklumat lain yang berguna

KAJIAN PRA-KEBOLEHLAKSANAAN

(Semua maklumat hendaklah dikepilkan sebagai Lampiran)

- (a) Skim melombong am, termasuk :
 - (i) Kaedah melombong;
 - (ii) Butir-butir jentera yang akan digunakan;
 - (iii) Butir-butir mengenai kaedah perolehan dan pemprosesan dan rawatan amang;
 - (iv) Pelan susunatur lombong, kuasa, bekalan air dan cadangan sumbangan infrastruktur.
- (b) Anggaran hayat ekonomi lombong
- (c) Jangkaan tarikh mula
- (d) Jangkaan pengeluaran bijih mentah tahunan
- (e) Pelan pemulihan am
- (e) Butir-butir lain yang berkaitan

AKUAN

* Saya / Kami dengan ini memohon untuk mendapatkan suatu pajakan melombong bagi melombong logam / mineral yang dinyatakan di dalam kawasan yang dimaksudkan dan mengaku bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan * saya / kami segala butir-butir yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan betul.

Nama	Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	Tandatangan	Tarikh
Nama	Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	Tandatangan	Tarikh
Nama	Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	Tandatangan	Tarikh
Nama	Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	Tandatangan	Tarikh

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

PENDAFTARAN

Permohonan diterima pada _____ * pagi / petang

Fi permohonan dibayar: RM _____ No. resit : _____

Tarikh

Pengarah Tanah dan Galian

PERTIMBANGAN JAWATANKUASA SUMBER MINERAL NEGERI

Tarikh diterima : _____ Tarikh dipertimbangkan : _____

Adakah pemohon mempunyai kemampuan teknikal _____ *

YA / TIDAK

dan kewangan untuk menjalankan kerja melombong ?

Syor : Permohonan disyorkan agar * DILULUSKAN / DITOLAK

Ulasan _____ :

Terma dan syarat yang disyorkan untuk dinyatakan pada pajakan melombong:

Tarikh

(Pengerusi)

PERTIMBANGAN PIHAK BERKUASA NEGERI

Tarikh diterima : _____ Tarikh dipertimbangkan : _____

Permohonan * DILULUSKAN / DITOLAK

Ulasan:

Terma-terma dan syarat-syarat yang akan dinyatakan pada pajakan melombong :

Tarikh

(Pihak Berkuasa Negeri)

PENGELUARAN PAJAKAN MELOMBONG

Amaun sewa tanah : RM _____ Tarikh: _____ No. resit : _____
tahunan yang dibayar

(Sewa tanah tahunan untuk tahun pertama hendaklah dibayar sebelum pengeluaran
pajakan melombong)

No. pajakan melombong : _____ No. lot : _____

Tarikh tamat: _____
(tidak lebih daripada 21 tahun daripada tarikh keluar)

Fi pengeluaran : RM _____ No.resit: _____
dibayar

Tarikh _____

Pengarah tanah dan Galian

* Potong yang mana tidak berkenaan